



Ruj. Kami : SUK.D200 (01)15/1/1 Jld.3 (90)  
Tarikh : 10 Rabiuulakhir 1442H  
26 November 2020

Ke majlis,

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Ketua Unit / Bahagian, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

**ARAHAN PENTADBIRAN**  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**BILANGAN 3 TAHUN 2020**

**PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan keputusan Kerajaan yang diumumkan oleh YB Menteri Kanan (Keselamatan) dalam sidang media pada 20 November 2020 mengumumkan bahawa seluruh Negeri Kelantan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) berkuat kuasa mulai 21 November 2020 sehingga 6 Disember 2020.

3. Sehubungan dengan itu, **Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan bersetuju seluruh perkhidmatan Kerajaan Negeri beroperasi sepenuhnya dengan keberadaan penjawat awam di pejabat adalah sebanyak 70 peratus.**

4. Ketua Jabatan perlu memastikan perkhidmatan asas jabatan tidak terjejas dan dapat dicapai oleh pelanggan. Sebahagian pegawai lagi akan diarahkan atau disarankan untuk Bekerja Dari Rumah (BDR) sebagaimana peraturan BDR berikut:


- (a) sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu bekerja yang ditetapkan oleh kerajaan;
- (b) sentiasa bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain; dan
- (c) memastikan sentiasa boleh dihubungi dalam tempoh waktu bekerja.

5. Ketua Jabatan diminta menyesuaikan serta melaksanakan kaedah pengoperasian perkhidmatan ini di jabatan/ agensi masing-masing dan dalam masa yang sama perlu memastikan prosedur operasi standard (SOP) keselamatan dan kesihatan seperti pelaksanaan saringan suhu badan, pengamalan penjarakan fizikal/ penggalakan pemakaian *face mask* serta penggunaan *hand sanitizer* terus diamalkan.

6. Pelaksanaan operasi perkhidmatan ini dipersetujui berkuatkuasa **mulai 26 November 2020**.  
Sekian, terima kasih.

\* RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT \*  
\* MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN \*

Saya yang menjalankan amanah,



DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K(Kelantan)  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)  
b.p.: SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN